

Metodologi Dan Sumbangan Al-Imam Ibn Daqiq Al-'Eid: Kajian Terhadap Karya Al-Ilmam Bi-Ahadith Al-Ahkam

[Methodology And Contribution Of Al-Imam Ibn Daqiq Al-'Eid: A Study On The Al-Ilmam Bi-Ahadith Al-Ahkam]

Maryam Al Adzra Mohd Zawawi

Fakulti Al-Quran & Sunnah, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin, Mukim Padang Siding, 02600 Arau, Perlis, Malaysia. adzra431998@gmail.com

Khalilullah Amin Ahmad (Corresponding author)

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang, Malaysia. amin@usm.my

Nurul Intan Husna Mohd Zaki

Fakulti Al-Quran & Sunnah, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin, Mukim Padang Siding, 02600 Arau, Perlis, Malaysia. intanzaki1999@gmail.com

Article

Progress:

Submission date:

20-05-2025

Accepted date:

20-12-2025

ABSTRACT

Al-Imam Ibn Daqiq al-'Eid (625-702H) terkenal sebagai tokoh ulama di zamanya. Menguasai pelbagai bidang seperti hadith, akidah, tafsir, fiqh yang memberi sumbangan begitu besar dalam bidang kepakaran dan keilmuan hadith. Walau bagaimanapun, pengkaji terinspirasi dengan karya beliau berjudul Al-Ilmam bi-Ahadith al-Ahkam dengan menganalisis metodologi dan sumbangan beliau dalam menghimpunkan hadith-hadith pilihan berdasarkan hukum-hukum fiqh. Oleh itu, dalam artikel ini pengkaji menganalisis metodologi karya Al-Ilmam bi-Ahadith al-Ahkam dan sumbangan beliau dalam keilmuan Islam dalam bidang hadith. Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah pengumpulan data kepustakaan daripada sumber-sumber penulisan seperti artikel, jurnal dan bahan penulisan yang berkaitan dengan tajuk kajian. Dapatan kajian mendapati bahawa nilai masa begitu berharga dan kesungguhan tokoh-tokoh ulama silam sepanjang hayat mereka dalam memastikan kepakaran bidang ilmu Islam dapat dimanfaatkan oleh generasi masa kini.

Keywords: Metodologi; Sumbangan; Al-Imam Ibn Daqiq al-'Eid; Al-Ilmam bi-Ahadith al-Ahkam

PENDAHULUAN

Ilmu hadith memainkan peranan yang sangat penting dalam memastikan kefahaman dan pelaksanaan ajaran Islam yang autentik. Dalam konteks fiqh, penilaian terhadap hadith-hadith hukum menjadi asas dalam proses istinbat dan penetapan hukum syarak. Oleh itu, lahirlah karya-karya yang menghimpunkan hadith-hadith berkaitan hukum, yang dikenali sebagai Ahadith al-Ahkam. Antara tokoh penting yang memberikan sumbangan besar dalam bidang ini ialah Imam Ibn Daqiq al-‘Eid (w. 702H), seorang ulama besar yang menggabungkan kepakaran dalam bidang hadith dan fiqh.

Karyanya yang masyhur, *Al-Ilmam bi-Ahadith al-Ahkam*, merupakan syarah kepada kitab *Umdah al-Ahkam* karya al-Hafiz Abd al-Ghani al-Maqdisi. Melalui karya ini, Ibn Daqiq al-‘Eid telah menggabungkan kehalusan analisis fiqh dengan ketelitian dalam ilmu hadith. Beliau tidak sekadar mensyarah matan, tetapi turut mengemukakan perbincangan sanad, kedudukan perawi, tarjih antara riwayat, serta istinbat hukum secara kritikal.

Ketokohan ramai ulama hadith memberi sumbangan yang begitu besar kepada ummah pada abad ketujuh. Bentuk sumbangan ulama hadith dapat ditelusuri menerusi penghasilan karya, kritikan, khidmat kepada masyarakat dan penelitian semula manuskrip dalam bidang ilmu fiqh dan juga bidang-bidang yang lain seperti aqidah, tafsir al-Quran, hadith, sejarah dan sebagainya. Pengkaji memfokuskan tentang kajian terhadap karya *Al-Ilmam bi-Ahadith al-Ahkam* yang telah dikarang oleh Al-Imam Ibn Daqiq al-‘Eid (625-702H) terutamanya dari sudut metodologi penyusunan dan sumbangan beliau dalam menghimpunkan hadith-hadith pilihan berdasarkan hukum-hukum fiqh. Namun demikian, penulisan dimulakan terlebih dahulu perbincangan berkaitan biografi tokoh ilmuwan yang ulung iaitu Al-Imam Ibn Daqiq al-‘Eid seperti kelahiran, keluarga, pendidikan awal, latar belakang pengajian, peranan, kerjaya, karya-karya penulisan yang telah dihasilkan dan kewafatan.

OBJEKTIF

Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk menganalisis metodologi dan sumbangan Al-Imam Ibn Daqiq al-‘Eid dalam karya *Al-Ilmam bi-Ahadith al-Ahkam*. Fokus utama diberikan kepada pendekatan beliau dalam menilai hadith dari sudut sanad dan matan, kaedah tarjih, serta pengaruhnya terhadap ulama selepasnya. Kajian ini juga menyoroti nilai ilmiah karya tersebut dalam tradisi keilmuan Islam, khususnya dalam disiplin Ahadith al-Ahkam.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif yang melibatkan teknik pengumpulan data kepustakaan dan analisis dokumen. Dokumen yang terlibat ialah kitab al-Quran, hadith, sumber rujukan kitab-kitab hadith dan fikah, artikel jurnal, akhbar dan bahan penulisan yang berkaitan dengan kajian ini. Kajian ini menumpukan kepada analisis teks terhadap karya Al-Ilmam bi-Ahadith al-Ahkam oleh al-Imam Ibn Daqiq al-‘Eid. Pendekatan ini digunakan bagi memahami kaedah yang diaplikasikan oleh beliau dalam menilai dan mensyarah hadith-hadith hukum yang terdapat dalam karya tersebut.

Sumber utama rujukan ialah karya Al-Ilmam bi-Ahadith al-Ahkam dijadikan teks utama kajian. Penelitian dilakukan terhadap beberapa hadith pilihan dalam karya tersebut untuk menganalisis pendekatan Ibn Daqiq al-‘Eid dari sudut penilaian sanad dan perawi; perbahasan matan dan kefahaman lafaz; kaedah tarjih antara riwayat yang berbeza dan istinbat hukum dan penyusunan perbahasan fiqh.

Sumber sokongan yang turut dirujuk adalah karya-karya lain Ibn Daqiq al-‘Eid (seperti Ihkam al-Ahkam jika berkaitan), serta tulisan-tulisan ulama dan pengkaji kontemporari berkaitan metodologi beliau. Karya-karya tokoh hadith lain dalam genre Ahadith al-Ahkam seperti Ibn Hajar al-‘Asqalani (Bulugh al-Maram), al-Nawawi (Minhaj al-Talibin), dan al-San‘ani (Subul al-Salam) digunakan sebagai perbandingan.

Data dianalisis secara deskriptif dan analitik. Pendekatan deskriptif digunakan untuk memperincikan gaya dan struktur penulisan Ibn Daqiq al-‘Eid, manakala pendekatan analitik digunakan untuk mengenal pasti prinsip dan metodologi yang digunakan dalam penilaian hadith dan perbahasan hukum. Kajian ini juga mengaitkan sumbangan beliau terhadap perkembangan ilmu hadith dan fiqh, serta pengaruhnya terhadap sarjana selepasnya.

DAPATAN DAN PERBAHASAN KAJIAN

BIOGRAFI AL-IMAM IBN DAQIQ AL-‘EID

Beliau adalah Syaykh Muhammad Ali Bin Wahab Bin Muthi’ Bin Abi Tha’ah Abu al-Fath Taqiyyudin Ibn Daqiq al-‘Eid al-Qusyairi al-Manfaluthi al-Mashri (Firman Surya Putra, 2020). Gelaran Daqiq al-‘Eid dinisbahkan kepada datuknya berdasarkan peristiwa beliau yang berpakaian serba putih pada hari raya seakan akan seperti tepung iaitu دقيق (Muhammad Abror, 2022).

Latar Belakang Kehidupan

Beliau dilahirkan pada hari Sabtu bersamaan 25 Sya'ban tahun 625H di daerah pesisir laut merah. Beliau dibesarkan sebagai seorang remaja yang mempunyai akhlak yang mulia dan berkecimpung dalam pelbagai ilmu pengetahuan yang dibimbing oleh ayahnya yang diakui keilmuannya. Beliau dilahirkan dari latar belakang keluarga yang baik, mulia, terhormat serta terkenal dengan keilmuannya. Ayahnya, Majd al-Din Ali Bin Wahab ialah seorang ulama mazhab Maliki yang ternama namakala ibunya ialah anak dari Syekh Imam Taqiyudin Mazhar Bin Abdulullah Bin Ali al-Mahri. Bahkan adik beradiknya yang lain iaitu Ahmad bin Ali, Musa bin Ali dan Ruqayyah bin Ali ialah orang yang mentaati agama, berilmu dan berakhlak mulia (Firman Surya Putra, 2020). Beliau ialah seorang cendekiawan yang memiliki keluasan ilmu pada zamannya. Beliau juga dikenali sebagai seorang yang kuat beribadah dan mempunyai kepakaran dalam bidang usul dan ma'qul serta mengenali ilat-ilat riwayat (Ma'rifatul Istiqomah, 2022).

Pendidikan

Perjalanan pengembaran Daqiq al-'Eid dalam menuntut ilmu bermula dengan menghafal al-Quran seperti kebanyakan ulama lain. Setelah itu, beliau mula mendalami ilmu nahwu dan bahasa Arab di kota kelahirannya, Qus. Qus ialah sebuah kota yang dinobatkan sebagai kiblat keilmuan pada kala itu. Kemudian beliau mula berjinak dalam bidang fiqh Malikiyah yang diajarkan oleh ayahnya dan fiqh Syafi'iyah dari salah seorang anak murid ayahnya, Syaikh Baha al-Qafthi. Ibn Daqiq al-'Eid dikenali sebagai seorang yang sangat ghairah dalam menuntut ilmu sehingga gemar melakukan pengembaraan menimba ilmu di luar kota kelahirannya. Beliau menuju ke Damsyik dan Iskandariyah untuk mendalami ilmu Hadith lalu bertolak ke Kairo untuk bertalqin dengan Syekh Al-Izz Din Ibn Abd Salam. Oleh kerana keilmuan dan ketakwaannya mendahului orang lain, beliau mempunyai kedudukan yang penting di kalangan para umara', wazir, ulama, pelajar, dan seluruh kalangan masyarakat dengan ditaklifikasikan sebagai 'Masyayikhah Madrasah al-Kamiliah' yang merupakan madrasah terbesar di Kairo (Sarah Saadhatul Laily Nuriyah, 2020). Sepanjang kehidupannya dimanfaatkan untuk menimba dan mengamalkan lalu menyebarkan agama Islam pada seluruh umat. Antara guru dan anak murid beliau yang masyhur ialah:

Antara gurunya yang masyhur:

1. Ibn al-Muqayyar Ibn Husain Ibn Ali (643H)
2. Al-Munziri Abdul Azim Ibn Abdul Qawiy (656H)

4. Al-Izz Din Ibn Abd Salam (660H)
5. Al-Fakhr Ibn Bukhari (690H)

Antara anak muridnya yang masyhur:

1. Najmuddin Ibn al-Rif'ah al-Syafie (710H)
- 2.. Ibn Sayyidunnas Muhammad Ibn Muhammad (734H)
3. Qutub al-Din Abdul Karim Ibn al-Nur (735H)
4. Al-Mizzi Abu Hajjaj Yusuf Ibn Abdur Rahman (742H)
5. Al-Zahabi Muhammmad Ibn Ahmad (748H)

Sumbangan dan Khidmat

Sekembalinya ke negeri kelahirannya, Qus ketika berusia 37 tahun, beliau menyandang hakim dalam tempoh yang singkat sahaja kerana tidak gemar akan kemasyhuran. Tidak lama kemudian, beliau kembali ke Kaherah untuk mengajar hadith nabawi di sebuah sekolah yang dibina oleh jawatan Sultan Al-Kamil iaitu Darul Hadith Al-Kamiliyah. Kefasihan dan keilmuannya mendapatkan pengiktirafan sehingga dilantik jawatan tertinggi dalam institusi tersebut iaitu 'Saykh Darul hadith'. Beliau juga mengajar undang-undang di Mazhab Nisriyyah Salahuddin Al-Ayyubi, iaitu sebuah insititusi yang hanya mendedahkan mazhab Syafi'iy dan dibina berdekatan dengan makam Imam Syafi'iy.

Rentetan itu, penguasannya dalam bidang undang-undang, dan juga dua mazhab fiqh iaitu Safi'iy dan Maliki, beliau diminta untuk berkhidmat menjadi tenaga pengajar di Madrasah Fadiliyah. Selain itu, beliau turut melibatkan diri dalam kebajikan mengelola pengurusan dan pentadbiran harta anak-anak yatim. Setiap kebajikan anak-anak yatim dipelihara dan dipenuhi sehingga mereka mencapai usia remaja dengan menjadikan sistem perundangan islam sebagai landasan utama. Selepas kewafatan Hakim ibn Bint Al-A'azz, Daqiq al-'Eid dipilih untuk menggalas jawatan Ketua hakim Negara. Pada tahun 655 Hijrah, beliau menerima jawatan yang ditawarkan dengan penuh rasa tanggungjawab untuk menerajui negara menurut undang-undang islam. Di bawah kepimpinannya, beliau menghidupkan perundangan islam dengan penuh dedikasi dan hikmah (Pelita Kalam, 2016).

Terdapat beberapa kitab karya penulisan beliau iaitu Syarah Aba'in Nawawi, Syarah al-Umdah, Kitab al-Ilmam, dan al-Imam fi al-Ahkam mempunyai peranan penting sehingga menjadi rujukan kepada para ulama (Ma'rifatul Istiqomah,2022).

Karya Penulisan

Penguasaan ilmu Daqiq al-‘Eid dalam pelbagai bidang termasuklah akidah, hadith, fiqh dan bahasa Arab telah terbukti melalui karya-karya beliau. Walau bagaimanapun, pengkhususan beliau dalam penulisan karya adalah dalam bidang hadith dan ulum hadith. Antara buku karya beliau ialah:


1. Al-Imam fī Ma`rifat Ahadith al-Ahkam
2. Al-Ilmam bi-Ahadith al-Ahkam
3. Ihkam al-Ahkam Sharh `Umdat al-Ahkam
4. Sharh Mukhtasar Ibn al-Hajib
5. Al-Iqtirah fi Bayan al-Istilah
6. Tuhfat al-Labib fi Sharh al-Taqrīb
7. Sharh al-Arba`in Hadithan li al-Nawawi
8. Iqtinas al-Sawanih
9. Sharh Muqaddimah al-Matrizi
10. Sharh Kitab al-Tabrizi fi al-Fiqh
11. Diwan Shi`r

Kematian

Ibn Daqiq wafat pada hari jumaat, 21 Safar tahun 702 Hijrah ketika berusia 77 tahun. Beliau dikebumikan di lereng bukit Muqattham, Kairo (Sarah Saadhatul Laily Nuriya, 2020).

METODOLOGI DAN SUMBANGAN AL-IMAM IBN DAQIQ AL-‘EID

Al-Imam Ibn Daqīq Al-‘īd adalah salah seorang ulama yang alim di zamannya. Menurut anak muridnya, Al-Hafiz al-Zahabi beliau ialah al-’Imām, al-Faqih, al-Mujtahid, al-Muhaddith, al-Hafiz, al-‘Allamah, Syaykh al-Islam. Beliau juga adalah ulama yang bukan cuma mujtahid mazhab, namun diakui oleh para ulama sebagai ulama mujtahid mutlaq (Firman Surya Putra, 2020).



Gambar 1: Paparan Karya Al-Ilmam Bi-Ahadith Al-Ahkam

Metodologi Penulisan Al-Ilmam Bi-Ahadith Al-Ahkam

Pengkaji telah melakukan semakan dan penelitian terhadap metodologi penyusunan dan penulisan karya Al-Ilmam Bi-Ahadith Al-Ahkam oleh Al-Imam Ibnu Daqiq al-'Eid.

Muqaddimah Pengarang

Pengarang memulakan penulisan karya beliau dengan satu muqaddimah yang ringkas. Beliau menyebutkan syarat hadith yang dimasukkan di dalam kitab ini. Hadith-hadith yang dimasukkan oleh beliau mestilah mempunyai darjat sahih di sisi ulama hadith mahupun di sisi ulama fiqh. Hal ini demikian kerana, ulama hadith merupakan orang yang mempunyai kepakaran dalam menentukan status kesahihan sesuatu hadith.

Metodologi Penulisan Al-Ilmam Bi-Ahadith Al-Ahkam

Pengkaji telah melakukan semakan dan penelitian terhadap metodologi penyusunan dan penulisan karya Al-Ilmam Bi-Ahadith Al-Ahkam oleh Al-Imam Ibnu Daqiq al-'Eid.

Penyusunan Kitab

Di dalam karya ini pengarang telah menyusun dan menyenaraikan sebanyak 14 kitab yang didatangkan tanpa sanad dan disusun berdasarkan bab-bab fiqh. Susunan kitab-kitab ini adalah seperti berikut:

1. Kitab al-Ṭaharah
2. Kitab al-Solat
3. Kitab Zakat
4. Kitab al-Siyam
5. Kitab al-Hajj
6. Kitab al-Jihad
7. Kitab al-Buyu'
8. Kitab al-Rahn
9. Kitab al-Faraid
10. Kitab Nikah
11. Kitab Sadaq
12. Kitab al-Jarrah
13. Kitab al-Siyar
14. Kitab al-Jami'

Di bawah setiap kitab di atas, terdapat bab atau fasal. Bab-bab tersebut diletakkan tajuk bersesuaian dengan hadith yang dimasukkan bagi memudahkan para pembaca untuk menemukan pencarian mereka. Melalui penyusunan tajuk, para pembaca dapat mengenal pasti hadith-hadith yang terdapat dalam bab tersebut. Manakala dari segi fasal, pengarang meletakkan tajuk hanya pada sebahagian yang tertentu, dan selebihnya, pengarang hanya meletakkan fasal semata-mata tanpa diikuti dengan tajuk.

Selain itu, pengarang juga menyatakan sumber riwayat pada setiap hadith yang dimasukkan. Hal ini menunjukkan, bahawa beliau tidak hanya mempunyai kepakaran dalam bidang fiqh namun turut mempunyai kemahiran yang jitu dalam bidang ilmu hadith sama ada riwayat atau dirayah. Jumlah keseluruhan hadith yang merangkumi 14 kitab tersebut adalah sebanyak 1291 hadith.

Kritikan Ulama

Pengkaji telah melakukan semakan dan penelitian terhadap metodologi penyusunan dan penulisan karya *Al-Ilmam Bi-Ahadith Al-Ahkam* oleh Al-Imam Tajuddin al-Subki dalam kitabnya *Ṭabaqāt al-Shāfi'īyah al-Kubrā* mengatakan bahawa Syaykh Taqiyuddin tidak mempunyai peluang untuk menyempurnakan kitab al-Ilmam kerana ajalnya mendahului.

Justeru, terdapat beberapa kesalahan dalam kitab ini, salah satu contoh dalam kitab al-ṣalāh, bab Shurūṭ al-ṣalāh, bil.hadith 188:

وعن مُطَرِّفٍ، عن أبيه قال: رأيتُ النبيَّ ﷺ يُصَلِّي، وفي صدره أزيزٌ كأزيزِ المِرْجَلِ مِنَ البِكَاءِ.
(أخرجهما مسلم)

Maksudnya:

”Daripada Mutarrif, daripada bapanya, beliau berkata: Aku melihat Nabi SAW sedang solat, dan di dada baginda terdapat bunyi gemuruh seperti gemuruh periuk yang sedang mendidih”.
(Riwayat Muslim)

Pengarang menyatakan hadith di atas adalah riwayat Muslim sedangkan ia diriwayatkan oleh Nasa’i dan Tirmizi di dalam al-Syamaail. Kesalahan yang terdapat dalam kitab ini hanyalah satu kekeliruan yang lazim dalam kalangan ulama dan ia tidak menjatuhkan kredibiliti beliau dari taraf ulama’ yang dhabit. Al-Hafiz Qutbuddin al-Halabi telah meringkaskan kitab al-Ilmam dalam sebuah kitab yang dinamakan al-Ihtimamm, di mana di dalamnya beliau telah menjelaskan kekeliruan yang timbul di dalam kitab al-Ilmam.

Sumbangan Al-Ilmam Bi-Ahadith Al-Ahkam

Berdasarkan biografi Al-Imam Ibn Daqiq al-‘Eid yang dinyatakan di atas, beliau telah berkecimpung dalam pelbagai bidang ilmu dan kepakaran termasuklah pendidikan, hadith, fiqh, aqidah, tafsir dan juga bahasa. Beliau pernah menggalas jawatan sebagai hakim sebanyak dua kali, salah satunya di tanah kelahirannya dan yang kedua di Kaherah bagi menggantikan Hakim Ibn Bint Al-A’azz. Beliau juga mengambil peranan sebagai pengurus dan pentadbir harta-harta anak yatim melalui kepakarannya dalam bidang undang-undang. Pemikiran dan sumbangan beliau cukup besar dalam bidang hadith sehingga menghasilkan beberapa kitab hadith yang masyhur dan diiktirafkan oleh para ulama seperti Syarah Arba’in An-Nawawiyah dan Syarah Umdatul Ahkam. Karya-karya sebegini banyak memberi faedah dan memudahkan para penuntut ilmu dalam bidang hadith untuk memahami hadith-hadith hukum.

Keghairahan beliau dalam menuntut ilmu dan mempraktikkan ilmu agama yang diperoleh mampu menjadi qudwah kepada anak muda terutama pada zaman kini untuk menjadi seorang pemuda yang mampu menyuburkan agama islam. Kecintaan beliau dalam mendalami ilmu turath telah menghasilkan dua tokoh ilmuan iaitu Imam Az-Zahabi penulis kitab Siyar A’lam

Nubala dan Al-Mizzi, penulis kitab Tahzibul Kamal. Mereka merupakan tokoh yang masyhur dalam memartabatkan penjagaan hadith Rasulullah SAW.

Keistimewaan yang wujud dalam diri Ibn Daqiq adalah ketegasan dan ketelitian dalam memelihara ilmu agama daripada sumber yang tidak sahih dan palsu terutama dalam bidang hadith Rasulullah SAW. Prinsip sebegini perlulah dimiliki oleh para ulama demi menjaga ketulenan agama dan sentiasa mendahulukan kebenaran.

Kesimpulan dan Cadangan

Al-Imam Ibn Daqiq al-‘Eid merupakan ilmuwan Islam yang memiliki reputasi bertaraf global berdasarkan keilmuan dan karya yang dihasilkan dalam pelbagai bidang disiplin ilmu termasuklah hadith, aqidah, fiqh, usul fiqh, dan kesusasteraan Arab. Dalam artikel ini, pengkaji mendapati bahawa metodologi penulisan karya berjudul *Al-Ilmām Bi-Aḥādīth Al-Aḥkām* yang digunakan oleh beliau adalah berdasarkan susunan bab-bab yang terdapat di dalam kitab fiqh. Hadith-hadith yang dimasukkan di dalam karya ini, mempunyai darjat hadith sahih berdasarkan syarat yang diletakkan oleh pengarang sendiri. Dalam pada itu, sumber riwayat bagi setiap hadith dikemukakan agar pembaca dapat merujuk kembali keberadaan hadith-hadith tersebut dalam sumber asal. Usaha sebegini, merupakan salah satu sumbangan besar terhadap dunia ilmu Islam serta mempunyai manfaat yang besar terhadap umat Islam.

Karya *Al-Ilmām bi-Aḥādīth al-Aḥkām* penulisan Al-Imam Ibn Daqiq al-‘Eid merupakan himpunan hadith-hadith hukum yang dapat diamalkan oleh seluruh umat islam dalam menjalani kehidupan sehariannya sebagai seorang muslim berpandukan sumber yang sahih. Sumbangan beliau tidak hanya memberi nilai tambah terhadap karya *‘Umdah al-Aḥkām*, malah turut menjadi rujukan penting kepada ulama generasi selepasnya. Gaya penulisan yang teratur, perbahasan yang mendalam serta kejelasan dalam menjelaskan pandangan mazhab menjadikan karya ini relevan untuk terus dikaji dalam konteks semasa, terutama dalam pengajian hadith hukum dan fiqh perbandingan.

Penulis mencadangkan untuk dibuat penyelidikan lanjutan boleh dilakukan secara tematik terhadap hadith-hadith tertentu dalam *Al-Ilmām*, misalnya hadith berkaitan ibadah, muamalat atau jinayat bagi melihat secara lebih fokus kaedah istinbat dan tarjih yang digunakan. Disarankan agar karya *Al-Ilmām* dijadikan antara teks rujukan utama dalam silibus pengajian hadith hukum di institusi pengajian tinggi (IPT), khususnya dalam kursus berkaitan hadith fiqh, tarjih dan metodologi takhrij.

RUJUKAN

- Daqiq al-'Id, M. A. (2009). *Syarah al-Ilmam bi ahadith al-Ahkam*. Cetakan Kedua. Syria: Dar al-Nawadir.
- Daqiq al-'Id, M. A. (2013). *Al-Ilmam bi ahadith al-Ahkam wa-Ma'ahu Ḥāshiyat Shams al-Dīn ibn 'Abd al-Hādī*. Cetakan Kedua. Syria: Dar al-Nawadir.
- Istiqomah, M. (2022). *Konsep Pendidikan Agama Islam: Iman Islam Ihsan Syarah Arbain Nawawi Karya Imam An Nawawi dan Syarhul Arba'ina Haditsan An Nawawi karya Ibnu Daqiqiel 'Id*.
- Nuriyah, S. S. L. (2020). *Biografi Ibnu Daqiq al-Ied*. Sanad Media. <https://shorturl.at/bc9fi>.
- Putra, F. S. (2020). *Metode Pemikiran Ibn Daqiq Al-'Eid Dalam Bidang Fiqh Munakahah*. Journal of Hupo_Linea, 1(1), 54-63.
- Subkī, A. T. (1992). *Ṭabaqāt al-Shāfi'īyah al-Kubrā*. Cetakan Kedua. Hajar lil-Ṭibā'ah wa-al-Nashr wa-al-Tawzī'
- Syariff, A. A. U. *Kitab Hadith dan Syarah Hadith*. <https://shorturl.at/tXOr8>.